



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN



**MISI PENGALAKAN
PERDAGANGAN DAN
PELABURAN INDUSTRI
LANDSKAP NEGARA
TAHUN 2023 KE
QATAR & ARAB SAUDI**

**1-13
OKT
2023**



Isi Kandungan

1.0

TUJUAN

2.0

LATAR
BELAKANG

3.0

LAPORAN PENUH MISI

4.0

OUTCOME / RETURN OF
INVESTMENT (ROI)

5.0

PELAN TINDAKAN SUSULAN
KPKT DAN JLN

6.0

RUMUSAN

7.0

LAMPIRAN

1.0 Tujuan

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan pelaksanaan Misi Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap 2023 ke Negara Qatar dan Arab Saudi bersempena Penganjuran International Horticulture Expo 2023 (EXPODOHA2023) oleh Jabatan Landskap Negara pada 1 – 13 Oktober 2023.



**Empowering
Malaysia
Landscape
Industry**
Making Malaysia A Garden

**MALAYSIA
LANDSCAPE
INDUSTRY
TRADE AND
INVESTMENT
PROMOTION
MISSION**
DOHA, QATAR 4
2-8 OCT 2023

**Malaysia
Landscape
Awards
2009**

IFLA Updates
IFLA World C

Pro Art
Upc
IFL

IFL

2.0 Latar Belakang



Program Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap oleh Jabatan Landskap Negara (JLN)

Mulai tahun 2020, JLN melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengorak langkah untuk memelopori usaha mempromosi dan meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan industri landskap Malaysia di persada antarabangsa melalui program Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap. Jabatan Landskap Negara merupakan salah satu ahli dalam Sectoral Task Force (STF) bagi bidang Perkhidmatan dan Pembinaan (Services and Construction) di bawah seliaan Jawatankuasa Eksport (JK-X) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Kepentingan, peranan dan sumbangan industri landskap telah digariskan sebagai hala tuju ke dua (2) daripada empat (4) hala tuju pembangunan landskap negara pada masa hadapan. 'Mendaya upaya potensi dan nilai ekonomi industri landskap' adalah seiring dengan perubahan global; di mana Malaysia perlu mendaya upayakan potensi industri landskap negara sebagai satu nilai ekonomi atau sebagai satu sumber pulangan dan ekonomi negara. Pernyataan ini adalah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di dalam ucapan perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2022.

Sektor Industri Landskap

Bidang industri landskap Negara ini merangkumi dua (2) sektor utama perkhidmatan landskap iaitu;

01 Perkhidmatan (services)

- Perundingan dan kepakaran landskap (perunding landskap) dan
- Kerja dan binaan (kontraktor landskap).

02

Pengeluaran/pembuatan dan pembekalan

- Pembekalan pokok landskap, rumput, bunga-bunga dan biji benih;
- Produk landskap kejur seperti peralatan permainan dan senaman, perabot landskap dan
- Produk lain berkaitan landskap – seperti baja, pasu bunga, mesin dan peralatan binaan landskap.

Objektif Misi

Program Misi Penggalakkan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap ini dirangka untuk menjadi satu inisiatif khusus JLN, bertujuan untuk menyediakan platform dan akses kepada pengeksport sedia ada industri landskap di Malaysia untuk meneroka dan menembusi sempadan baru dalam pasaran eksport global. Jika sebelum ini, pengeksport dalam industri landskap meneroka sendiri pasaran global dan berdepan persaingan sengit, tetapi melalui misi khusus untuk industri landskap ini, akan membantu mengenalpasti potensi perniagaan, perdagangan dan pelaburan yang memfokuskan skop sektor landskap secara langsung; bagi membolehkan pemain industri meluaskan jaringan perjanjian perniagaan baru melalui tiga (3) pengisian utama misi.

3 Pengisian Misi

Pelaksanaan program misi adalah dengan kerjasama pihak Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

01

Menyertai sesi padanan perniagaan secara individu (individual business matchings) antara ahli perniagaan industri landskap Malaysia bersama pemaju/ejen pembangunan tempatan.

02

Menyertai sesi rundingan dua hala (bilateral meetings) bersama agensi Kerajaan dan sektor berkaitan industri bagi mengenengahkan isu, potensi dan cadangan jalinan kerjasama atau perjanjian perdagangan.

03

Menghadiri taklimat dan/atau lawatan ke projek pembangunan bagi meneliti persekitaran dan amalan pembangunan negara terlibat.





Misi ini akan dilaksanakan berdasarkan rujukan amalan misi penggalakan perdagangan dan akselerasi eksport dengan kerjasama rapat dengan pihak Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), bagi mengenalpasti dan memastikan semua program padanan perniagaan bagi sektor-sektor di dalam lingkungan industri landskap dapat diselaras sebaiknya.

Misi ini selari dengan peranan MATRADE untuk meningkatkan profil pengeksport Malaysia di pasaran luar negara; menyebarkan maklumat dan risikan pasaran yang terkini dan relevan supaya syarikat-syarikat Malaysia mampu bersaing dalam pasaran asing; memperkenalkan syarikat-syarikat Malaysia kepada pengimport asing yang mencari pembekal dari Malaysia; dan menjalankan aktiviti-aktiviti mempromosi barangan eksport dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran luar negara.

Selain itu, platform pameran/ekspo perdagangan (trade fair) merupakan antara medan strategik yang digunapakai semua pemain industri antarabangsa dalam melaksanakan aktiviti pemasaran import/eksport, di samping membina jaringan perdagangan baru di peringkat global. Ia juga merupakan medium untuk pemain industri mengemaskini dan meningkatkan inovasi produk melalui pendedahan kepada pameran yang memperkenalkan teknologi terkini bidang industri.

Delegasi Misi



Delegasi KPKT & JLN

Delegasi misi ini disertai sejumlah 7 orang perwakilan dari KPKT dan JLN seperti senarai berikut;

KPKT

01

YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir
Timbalan Menteri KPKT

02

En. Hilmi bin Mohd Salleh
Setiausaha Sulit Kanan,
Timbalan Menteri KPKT

03

Pn. Siti Norraifana bt Hamidon
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Perancangan Startegik dan
Antarabangsa, KPKT

JLN

01

Tuan Roslee bin Abdullah
Ketua Pengarah JLN

02

En. Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin
Pegarah Bahagian Dasar dan
Pengurusan Korporat, JLN

03

Pn. Intan Syafinaz bt Lazim
Pen. Pegarah Kanan
Bahagian Dasar dan Pengurusan
Korporat, JLN

04

En. A Danial bin Ismail
Pen. Pegarah
Bahagian Promosi dan Industri
Landskap, JLN

Delegasi misi ini disertai sejumlah 13 orang perwakilan dari syarikat pembekal hortikultur/tanaman landskap dan peralatan permainan dan kecergasan seperti senarai berikut;

QATAR

- 01 Merry Horticulture International (M) Sdn. Bhd.
Chong Lai Sze (Pengarah Jualan)
- 02 Green Acres International
Tan Wee Jian (Pengurus Pemasaran)
- 03 Green Daily Horticulture
 - Teo Swee Soon (Pengarah Urusan)
 - Ng Chin Chee (Pengurus Pemasaran)
- 04 KJW Nursery Sdn. Bhd
Koo Jin Wen (Pengarah Urusan)
- 05 SH Nursery Sdn. Bhd.
Teu Kim Seng (Pengarah Urusan)

Delegasi Misi

ARAB SAUDI

- 01 Merry Horticulture International (M) Sdn. Bhd.
Marcus Tan Kok Wee (Pengarah Urusan)
- 02 Green Acres International
Tan Wee Jian (Pengurus Pemasaran)
- 03 Green Daily Horticulture
 - Teo Swee Soon (Pengarah Urusan)
 - Ng Chin Chee (Pengurus Pemasaran)
- 04 KJW Nursery Sdn. Bhd
Koo Jin Wen (Pengarah Urusan)
- 05 SH Nursery Sdn. Bhd.
Teu Kim Seng (Pengarah Urusan)
- 06 Hock Wee Nurseries Sdn. Bhd.
 - Su May Yen (Pengarah)
 - Lee Chee Wee (Pengarah Urusan)
- 07 Park Games Equipment
Eugene Tan (Ketua Pegawai Eksekutif)

Delegasi Perniagaan (Pemain Industri Landskap)



4 Kluster Program Misi

- Trade exhibition for display
- Product display (brochure)
- Info dissemination

- Courtesy visit
- Bilateral discussions



- Business matching
- Business engagement
- Business networking reception

- Nursery visit/technical exchange
- Landscape appreciation visit

Ringkasan Misi 2023

QATAR

**40
Juta**

Potential Trade and Investment

5

Companies Participated

10

Business Lead

N/A

MOU/Agreement

14

Business Matching

3

Bilateral

ARAB SAUDI

**50
Juta**

Potential Trade and Investment

7

Companies Participated

25

Business Lead

N/A

MOU/Agreement

29

Business Matching

2

Bilateral

DOHA, QATAR



Latar Belakang Geografi

DOHA,
QATAR

Negara Qatar secara geografinya terletak di Asia Barat, menduduki Semenanjung Qatar kecil di timur laut Semenanjung Arab. Satu-satunya sempadan daratnya adalah dengan Arab Saudi di selatan manakala sempadan selebihnya dikelilingi oleh Teluk Parsi; yang mana memisahkan Qatar dengan negara pulau yang berjiran iaitu Bahrain.

Industri Landskap Eksport Semasa ke Qatar

Bagi eksport pokok hidup, bulb, bunga keratan dan tanaman ornamental, Malaysia menyumbang sebanyak 1.87% dari jumlah USD 43.1 juta ke negara Qatar. Pengeksport Malaysia bersaing dengan pembekal utama dari Belanda, Equador, Thailand dan Kenya bagi tujuan ini.



Latar Belakang Ekonomi

Qatar adalah sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi, disokong oleh simpanan gas asli dan minyak ketiga terbesar di dunia. Negara ini merupakan negara pendapatan per kapita tertinggi di dunia. Qatar dikelaskan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu sebagai sebuah negara dengan pembangunan manusia tertinggi dan merupakan negara Arab paling maju dalam pembangunan manusia.

Petroleum dan gas asli ialah asas ekonomi Qatar dan menyumbang lebih daripada 70% daripada jumlah hasil kerajaan, lebih daripada 60% daripada keluaran dalam negara kasar, dan kira-kira 85% daripada pendapatan eksport. Qatar mempunyai rizab gas asli terbukti ketiga terbesar di dunia dan merupakan pengeksport gas asli kedua terbesar di dunia.



**EXPO
2023
DOHA
QATAR**

Green Desert
Better Environment



**إكسبو
2023
الدوحة
قطر**

صحراء خضراء،
بيئة أفضل

**DOHA,
QATAR**



Penganjuran Expo Doha 2023, Al- Bidda Park, Doha



International Horticulture Expo Doha 2023 (DOHA2023) di Al-Midda Park, Doha, Qatar berlangsung dari 2 Oktober 2023 sehingga 28 April 2024; merupakan Ekspo Hortikultur pertama di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara yang mendapat pengiktirafan *Bureau International des Expositions* (BIE) iaitu badan penganjuran World EXPO terulung dunia. Ia merupakan acara kedua terbesar yang dianjurkan selepas Piala Dunia Qatar 2022.

Ekspo bertemakan "Green Desert Better Environment" ini akan dianjurkan secara interaktif dan bersepadu, dengan penyertaan daripada pelbagai sektor antarabangsa bertujuan untuk menangani cabaran mendesak pengurusan (desertification) dan isu kemampanan, kesan daripada perubahan iklim global.

Tema ini disokong oleh empat subtema – Pertanian Moden, Teknologi & Inovasi, Kesedaran Alam Sekitar dan Kelestarian. Dengan pengiktirafan BIE, ekspo ini disertai lebih 80 negara, bersama-sama dengan organisasi antarabangsa, wakil sektor swasta, pelbagai pemain industri, NGO dan orang awam.



Penganjuran Expo Doha 2023, Al- Bidda Park, Doha

DOHA,
QATAR

The Qatar National Vision 2030 (QNV2030) is a master vision and roadmap towards Qatar becoming an advanced society capable of sustainable development with the goal of providing a high standard of living for all citizens by the year 2030.



Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani the Emir of Qatar

“ Qatar National Vision 2030 builds a bridge between the present and the future. It envisages a vibrant and prosperous country in which there is economic and social justice for all, and in which nature and man are in harmony. We need to galvanize our collective energies and direct them toward these aspirations. ”

The EXPO 2023 Doha Qatar represents an evolution in terms of responsibility, awareness and action setting this edition aside from any previous international exhibitions.

In synergy with Qatar National Vision 2030 - a plan to transform Qatar into a further advanced society capable of achieving sustainable development by the year 2030 - this edition stands as a platform for change, a call for global consciousness and individual involvement. Hosting this gathering is a project in symbiosis with the ongoing of projects of national sustainability.

The Goals & The Impact

QATAR NATIONAL VISION 2030 is a compass for action, a horizon of sustainable governance and living towards every step counts. For every action a reaction is anticipated in a sequence of projects, collaborations and investments. Here are a few of those steps forward.

GOALS OF EXPO 2023 DOHA, QATAR

The theme of EXPO 2023 Doha, Qatar is "Green Desert, Better Environment". The goal is to encourage, inspire and inform people about innovative solutions for the reduction of desertification

The Exhibition will offer an international platform for participants, stakeholders, decision makers, non-governmental organizations and experts to address the global challenge of "Desertification".

Holding an international horticultural exhibition in Doha is a real challenge and this is what makes it the perfect setting to discuss desertification.

Global challenges require global action. EXPO 2023 Doha, Qatar will engage and unite international community to find solutions to desertification, whilst at the same time making a valuable contribution to achieving a sustainable future.

Expo 2023 Doha, Qatar is aligned with the Qatar National Vision 2030, and is defined by the following objectives:

- To host the first horticultural exhibition in a region with a desert climate.
- To establish a showcase for 'The Green City' within the Middle East, by defining Qatar as a hub for this concept.
- Encourage horticultural innovation focusing on the climate, water and the soils of Qatar.
- To promote Expo 2023 Doha, Qatar as a catalyst for international investments and business opportunities in Qatar.
- Highlight the synergies between landscape, sport and human health and well-being.
- To offer innovative actions which would allow humanity to combat desertification faster and more decisively before it is too late
- To constitute useful environmental outputs as a legacy for humanity


Penyertaan Expo Doha 2023, Al-Bidda Park, Doha

DOHA, QATAR

Pameran Industri landskap di plot Pavilion Malaysia

Jabatan Landskap Negara mengambil peluang penyertaan di EXPO Doha 2023, Al-Bidda Park, Doha bagi memanfaatkan potensi jaringan yang lebih luas, menerusi Pavilion Malaysia yang disediakan oleh Kerajaan Qatar di Plot No.46 – Zon Antarabangsa. Semua maklumat berkenaan perkhidmatan dan produk industri landskap Malaysia dipamer dan dipromosikan melalui bahan pameran berbentuk media cetak dan elektronik. Selain itu, pavilion ini digunakan secara gunasama oleh semua pemain industri yang turut hadir untuk membuat pembentangan produk dan perbincangan perniagaan/perdagangan.

Aktiviti-aktiviti lain seperti penyertaan dalam sesi rundingan meja bulat, seminar intelek, serta lawatan ke tapak ekspo dan pameran dilaksanakan secara selari dan berterusan semasa di tapak ekspo.





Delegasi KPKT dan JLN menyertai lawatan berpandu ke Expo Doha 2023 pada 7 Oktober 2023 (Sabtu) bagi mendengar taklimat dan melawat pavilion antarabangsa. Turut menyertai lawatan ialah TYT Zamshari Shahanan, Duta Besar Malaysia ke Qatar.

Delegasi berpeluang melawat ke pavilion utama Negara penganjur Qatar, Arab Saudi, Turki, Jepun, Tunisia, Azerbaijan, Kuwait dan Kumpulan Negara Teluk (GCC) yang mempamerkan kepelbagaian pendekatan dan inovasi terhadap usaha pengurusan (desertification) melalui pameran taman.

Delegasi turut dijemput melawat ke pusat kajian semaian oleh syarikat Qatar Agricor yang berperanan sebagai salah satu pengeluar sayur-sayuran utama Negara Qatar yang disokong dengan sistem dan teknologi pertanian moden.

Delegasi juga meninjau dan berbincang bagi mempertingkatkan pengisian dan pengurusan pavilion Malaysia bagi tempoh 6 bulan berlansungnya ekspo ini.




INTERNATIONAL ZONE

- | | | | | |
|---------------------|----------------------|----------------------------------|------------------------------|-----------------------------|
| 1. Expo House | 6. Innovation Centre | 11. Expo Clock | 16. Food Court | 21. Corniche Metro Station |
| 2. Qatar Pavilion | 7. Expo Square | 12. Qatar Auto Museum Exhibition | 17. Expo Restaurant | 22. Info Point 1 |
| 3. Dadu Gardens | 8. Farmers Market | 13. Education Above All | 18. Expo 2023 Flagship Store | 23. Info Point 2 |
| 4. Green Tunnel | 9. Green House | 14. Bio Domes | 19. Green Tunnel Gate | 24. Main BoH |
| 5. Plaza of Nations | 10. Cultural Bazaar | 15. Doha Skyview Helium Balloon | 20. Corniche Gate | 25. Accreditation Centre |
| | | | | 26. Administration Building |

Sesi Kunjungan Hormat dan Taklimat

DOHA,
QATAR



BILATERAL 1
8 Oktober 2023 | Ahad | 10.00 pagi
Ministry of Municipality, Qatar

Ministry of Municipality, Qatar

Delegasi KPKT dan JLN yang di ketuai YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat HE Abdullah bin Abdulaziz bin Turki Al Subaie, Menteri Kerajaan Tempatan, Qatar pada 8 Oktober 2023.

Kunjungan tersebut diadakan bertujuan memaklum dan memperkenalkan sektor industri landskap Malaysia dalam usaha meluaskan pasaran eksport sediaada ke Negara Qatar. Konteks perbincangan dua hala ini, Malaysia turut memuji usaha Kerajaan Qatar dalam melaksanakan pembangunan berskala besar dengan mengaplikasikan elemen kemampanan dan konsep bandar pintar. YB Timbalan Menteri turut menyatakan hasrat melakar naratif dan hubungan ekonomi baru antara Malaysia-Qatar yang meliputi pelbagai sektor pembangunan fizikal seperti perumahan dan kepelbagaian sektor industri landskap termasuk mengeratkan kerjasama diplomatik antara Malaysia dan Qatar.

Turut hadir pada sesi kunjungan dan bilateral ini ialah TYT Zamshari Shahanan, Duta Besar Malaysia di Qatar.



BILATERAL 2

7 Oktober 2023 | Sabtu | 10.00 pagi
Ibu Pejabat Qatari Diar, Lusail City

DOHA,
QATAR



Ibu Pejabat Qatari Diar, Lusail City

Delegasi KPKT dan JLN yang diketuai YB Timbalan Menteri telah menghadiri sesi taklimat dan lawatan teknikal ke Ibu Pejabat Qatari Diar yang terletak di Bandar Lusail, Doha bagi mendengar pembentangan berkenaan Lusail City Extension Mega Project.

Qatari Diar merupakan salah satu syarikat pemaju hartanah yang terbesar dan terkemuka di Qatar dan memegang portfolio 50 projek pembangunan berskala besar di 29 negara dengan sumber manusia seramai 350 orang di seluruh dunia. Salah satu projek terbesar yang dilaksanakan ialah pembangunan Bandar Lusail di Doha yang dilaksanakan melalui syarikat subsidiary Qatari Diar iaitu Lusail Real Estate Development Company - merupakan flagship project bagi syarikat Qatari Diar dan kebanggaan Negara Qatar yang ditonjolkan semasa berlangsungnya tournament Piala Dunia 2022.



38km²
keluasan keseluruhan

BILATERAL 3

4 Oktober 2023 | Selasa | 10.00 pagi
Qatar Chamber of Commerce and Industries

DOHA,
QATAR



Qatar Chamber of Commerce and Industries, Doha

Qatar Chamber of Commerce and Industries menerima kunjungan hormat Delegasi JLN dan syarikat Malaysia di ibu pejabat Qatar Chamber di Doha, Qatar. Qatar Chamber diwakili HE. Mr. Mohamed bin Ahmed M.AIObaidli, Setiausaha Agung Dewan Perniagaan, yang juga merupakan Ketua Jawatankuasa Keterjaminan Makanan dan Alam Sekitar.

Kunjungan tersebut diadakan bertujuan memperkenalkan sektor industri landskap Malaysia di samping mengeratkan kerjasama antara Malaysia dan Qatar. Pihak Qatar Chamber mengalu-alukan kehadiran delegasi dan menegaskan bahawa Negara tersebut sememangnya menggalakkan kepelbagaian perdagangan dan pelaburan yang menyokong usaha merealisasikan Qatar National Vision 2023; seterusnya membuka lebih banyak peluang perdagangan dua hala antara syarikat-syarikat landskap Malaysia dan Qatar.

Turut hadir pada sesi kunjungan dan bilateral ini Puan Maryam Masyitah bt Ahmad Termizi, Ketua Canseri, Kedutaan Malaysia di Qatar.



Pembangunan terancang bandar baharu The Pearl Island, Doha. Merupakan sebuah pulau buatan dengan keluasan 4 km², menyediakan hampir 20,000 unit kediaman bagi 45,000 pemilik dengan status pegangan bebas antarabangsa. Kemudahan dan infrastruktur disulami dengan elemen senibina landskap yang menyerlah dan kontemporari.



Sesi Taklimat Dan Lawatan Teknikal / Apresiasi Landskap

DOHA,
QATAR



Al-Sheehaniya Family Park, Al-Sheehaniya Municipality

Lawatan ke taman awam kejiranan di Al-Sheehaniya Family Park. Taman ini telah dibangunkan oleh pihak berkuasa tempatan Perbandaran Al Sheehaniya di bawah seliaan projek perbandaran Al-Sheehaniya Municipality Services Affairs Department, Parks Department.

Dengan saiz 5 ekar, taman ini menawarkan kawasan taman hijau dan pokok yang teduh dengan kemudahan asas, pusat informasi dan keselamatan, rekreasi untuk keluarga dan kanak-kanak serta lengkap dengan plaza dan tempat letak kereta. Elemen pengairan secara *automated drip irrigation method* adalah digunakan di seluruh kawasan taman. Manakala sebahagian spesies tanaman diperoleh sumber spesies negara tropika.



Sesi Apresiasi Lanskap (Lusail, Doha)

DOHA,
QATAR




Katara Cultural Village



Vendome Place



Qanat Quartier



Lusail Stadium



Lusail Promenade

Pelaksanaan Misi di Negara Qatar



Sesi Padanan Perniagaan

TARIKH	SESI
2 OKTOBER 2023	Verde Landscaping and Gardening, Lusail City. Reception by Mr. Rani Nmeir, Project Manager
	Al-Naqi Landscape. Reception by Mr. Durai Mani Vannan, General Manager
3 OKTOBER 2023	Estithmar Holdings and Elegancia Landscape – Elegancia Industries and Contracting, Lusail City, Doha.
	Nakheel Landscapes Co. Reception by Mr. Narayan Bose, Procurement Director.
	Garden Park Projects (GPP) Company. Reception by Mr. Salaheddin Gomaa, General Manager.
	Al-Mardia Trading and Agriculture Company. Reception by HE Sheikh Faisal bin Samad Al-Thani, Chairman.
4 OKTOBER 2023	Waves Trading & Contracting Company (WLL). Reception by Mr. Ahmed Al-Momani, Landscape Division Manager.
5 OKTOBER 2023	Nakheel Landscapes Nursery organized by Nakheel Landscape Company. Reception by Mr. Martin Grobler, Project Manager.
	Al-Sulaiteen Agriculture & Industrial Complex (Al-Sulaiteen Gardens). Reception by HE Abdullah Salem Al Sulaiteen, Chairman of Al-Sulaiteen Group of Companies.
	Deco and More Company. Reception by Mr. Hani, Managing Director.
	Abu Issa Holding. Reception by Ashraf A.R. Abu Issa (chairman).

Sesi Padanan Perniagaan

2 OKTOBER 2023

- Verde Landscaping and Gardening, Lusail City. Reception by Mr. Rani Nmeir, Project Manager
- Al-Naqi Landscape. Reception by Mr. Durai Mani Vannan, General Manager



3 OKTOBER 2023

- Estithmar Holdings and Elegancia Landscape – Elegancia Industries and Contracting, Lusail City, Doha
- Nakheel Landscapes Co. Reception by Mr. Narayan Bose, Procurement Director.



DOHA,
QATAR



3 OKTOBER
2023

- Garden Park Projects (GPP) Company. Reception by Mr. Salaheddin Gomaa, General Manager
- Al-Mardia Trading and Agriculture Company. Reception by HE Sheikh Faisal bin Samad Al-Thani, Chairman



4 OKTOBER 2023

- Waves Trading & Contracting Company (WLL). Reception by Mr. Ahmed Al-Momani, Landscape Division Manager.



5 OKTOBER 2023

- Deco and More Company. Reception by Mr. Hani, Managing Director
- Abu Issa Holdings @ Ned Hotel, Doha



5 OKTOBER 2023

- Nakheel Landscapes Nursery organized by Nakheel Landscape Company. Reception by Mr. Martin Grobler, Project Manager.
- Al-Sulaiteen Agriculture & Industrial Complex (Al-Sulaiteen Gardens). Reception by HE Abdullah Salem Al Sulaiteen, Chairman of Al-Sulaiteen Group of Companies.



DOHA,
QATAR

THE ORCHARD

HAMAD INTERNATIONAL AIRPORT

Lawatan Teknikal dan Apresiasi Landskap

← Food Court - المطاعم

دورات الصهبة - Lounges

← Lounges - صاليت


السوق الحرة - Duty Free




Lawatan teknikal berpandu ke The Orchard HIA – iaitu taman tropika tertutup berkeluasan 10,000 meter persegi yang berada di dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Hamad (HIA), Doha. Taman yang menjadi lokasi ikonik di HIA ini telah direka bentuk sebagai ruang legar dalaman hijau yang dipenuhi tumbuhan tropika di mana hampir 70% daripada tumbuhan di taman berkenaan diimport dari Malaysia menerusi pengusaha industri landskap Malaysia yang berpusat di Johor.

The Orchard merupakan manifestasi kualiti dan bukti ketersediaan Malaysia dalam membekalkan tanaman tropika yang berkualiti di peringkat antarabangsa di samping memberi reputasi yang baik kepada kualiti produk tanaman negara yang ingin dipromosikan dalam misi ini.





RIYADH & JEDDAH ARAB SAUDI



Latar Belakang Geografi

Geografi Arab Saudi adalah pelbagai. Dari rantau persisiran barat (Tihamah), tanah tersebut menaiki dari aras laut ke banjaran gunung semenanjung yang panjang (Jabal al-Hijaz) melangkaui iaitu terletaknya dataran tinggi Nejd di tengah. Rantau selatan 'Asir mempunyai pergunungan setinggi 3,000 m (9,840 kaki) dan dikenali kerana mempunyai iklim terhijau dan tersegar dari seluruh negara.



Latar Belakang Ekonomi

Ekonomi Arab Saudi ialah ekonomi terbesar di Timur Tengah serta ekonomi ke-18 terbesar dunia. Kekayaan yang sangat besar didapati daripada industri minyak, sangat membantu permainan dan pembentukan kekuatan peranan dari keluarga kerajaan Saudi baik di dalam mahupun luar negeri. Wilayah ini dahulu merupakan kawasan perdagangan terutama di kawasan Hijaz antara Yaman-Makkah-Madinah-Damsyik dan Palestin. Pertanian dikenali ketika itu dengan ladang kurma dan gandum serta ladang yang menghasilkan daging dan susu dan olahannya. Pada masa sekarang digalakkan sistem pertanian bersepadu untuk meningkatkan hasil-hasil pertanian. Perindustrian umumnya bertumpu pada sektor petroleum dan petrokimia terutamanya selepas penemuan sumber sumber minyak pada tarikh 3 Mac 1938. Arab Saudi memiliki khazanah petroleum terbukti kedua terbesar dunia serta pengeksport petroleum terbesar dunia.

Sesi Kunjungan Hormat dan Taklimat

RIYADH
ARAB SAUDI



BILATERAL 4 9 Oktober 2023 | Isnin | 9.00 pagi MOMRAH, Kingdom of Saudi Arabia

YB Tuan Haji Akmal Nasrullah telah mengetuai delegasi KPKT dan JLN untuk mengadakan kunjungan hormat ke atas TYT Eng. Abdullah bin Mohammed Al-Budair, Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan, Luar Bandar dan Perumahan (MOMRAH), Arab Saudi di Riyadh pada 9 Oktober 2023. Selain menentangaskan tujuan misi galakan perdagangan industri landskap Malaysia, kunjungan hormat ini turut dimanfaatkan dengan perkongsian pandangan dan amalan terbaik model pembangunan perumahan di Malaysia dan Arab Saudi.

Turut hadir ialah Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, YBhg. Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah.





Dalam pertemuan tersebut, YB Timbalan Menteri telah menyatakan kesediaan untuk membantu Kerajaan Arab Saudi mencapai sasaran drastik dalam Saudi Green Initiatives melalui Vision 2030 untuk menanam 10 bilion pokok di Arab Saudi menjelang tahun 2030 melalui penyediaan produk dan kepakaran syarikat-syarikat landskap Malaysia, juga dalam pembangunan projek mega Arab Saudi seperti NEOM iaitu sebanyak USD 500 bilion dan Red Sea Project.

Intipati utama sesi taklimat oleh pihak MOMRAH melalui pembangunan baru yang sedang dilaksanakan oleh National Housing Council (NHC) – KHUZAM Suburb (Phase2) adalah seperti berikut;

- Merealisasikan aspirasi Saudi Vision 2030 yang menggalakkan rancangan pembangunan perumahan Arab Saudi yang telah bermula sejak 2018 yang bermatlamat meningkatkan kadar pemilikan rumah kepada 70% menjelang tahun 2030.
- Pembangunan perbandaran baru wilayah Khuzam di pinggir bandar Riyadh yang akan meliputi kawasan seluas 21 juta meter persegi dan akan merangkumi 30,000 unit kediaman pelbagai kategori untuk 150,000 orang.
- Penekanan perancangan perumahan yang ditekankan oleh NHC adalah menjurus kepada solusi persekitaran, *urban resilience* dan penghijauan wilayah yang dibangunkan dalam skala besar. Ia menjadi potensi kepada sasaran Malaysia dalam meluaskan pasaran industri landskap.



Adaptasi konsep pembangunan 'smart city' dengan diintegrasikan perancangan operasi dan kos infrastruktur seperti berikut:

- a) Full Infrastructure – SR5.5 billion
- b) Service stations – SR1.5 billion
- c) Quality of life facilities – SR1 billion
- d) Operating and maintaining the suburb – SR2.5 billion
- e) **The parks, gardens and landscaping – SR4 billion**



Lanjutan dari pertemuan bersama pihak MOMRAH, YB Timbalan Menteri dan delegasi juga telah dibawa melawat ke salah satu daripada lapan tapak projek perumahan di bawah NHC iaitu projek pembangunan perumahan di pinggir bandar Riyadh, Khuzam.

Projek dengan keluasan melebihi 3,000 hektar ini akan menyediakan 77,000 unit bangunan yang terdiri daripada rumah pinggir bandar, pangsapuri, town house, kemudahan pendidikan, bangunan pejabat dan pelbagai kompleks komersial, pusat kesihatan dan sukan termasuk ruang hijau khusus bagi kemudahan riadah dan rekreasi komuniti.

Delegasi didedahkan dengan transformasi amalan perancangan dan pelaksanaan pemajuan perumahan Arab Saudi yang telah menunjukkan pelbagai pembaharuan dan disokong dengan infrastruktur terkini dan bersepadu sesuai dengan keperluan rakyat dan selari dengan visi Saudi Vision 2030.



BILATERAL 5
8 Oktober 2023 | Ahad | 9.00 pagi
Royal Commission of Riyadh City (RCRC)

RIYADH
ARAB SAUDI

Royal Commission of Riyadh City (RCRC) dan Green Riyadh

Pada Ahad, 8 Oktober 2023, Delegasi JLN yang diketuai En Ahmad Syaharuddin Kamaruddin, Pengarah Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN bersama wakil-wakil syarikat Malaysia telah berpeluang mengadakan perjumpaan rasmi dan mendengar taklimat berkenaan projek Green Riyadh Program yang disampaikan oleh Engr. Abdulaziz Al Moqbel, Pengarah Eksekutif Program Green Riyadh di ibu pejabatnya di Riyadh, Arab Saudi.

Program Green Riyadh adalah salah satu projek mega di Riyadh yang dikelolakan oleh *The Royal Commission of Riyadh City (RCRC)*, dengan meletakkan 8 sasaran utama pembangunan mampan untuk Riyadh. Ia juga merupakan salah satu program penghijauan bandar secara bersepadu yang terbesar di dunia.





Green Riyadh Nurseries : The Living Lab, Riyadh

Sejurus taklimat selesai, delegasi Malaysia dipelawa mengunjungi fasiliti nurseri moden dan berteknologi tinggi di Green Riyadh Nursery Project, terletak 60km ke utara Riyadh. Fasiliti nurseri tersebut bersaiz 2,000,000 meter persegi terbahagi kepada 5 bahagian utama proses semaian dan bakal menghasilkan lebih 3,000,000 anak pokok untuk setahun.

Sesi Padanan Perniagaan

JEDDAH
ARAB SAUDI

BUSINESS MEETING SESSION

In Conjunction with the
Trade Investment Promotion Mission 2023
to the Kingdom of Saudi Arabia
by the National Landscape Department,
Ministry of Government Development, Malaysia

Holiday Inn Jeddah Gateway
10 October 2023, 10.00 am – 3.30 pm



Sesi *business matching* melibatkan tujuh syarikat daripada dua sektor utama industri landskap Malaysia iaitu sektor perkhidmatan dan sektor pengeluaran/pembuatan dan pembekalan telah diadakan bersama 39 prospek perdagangan di Arab Saudi pada 10 Oktober 2023 di Jeddah. Pertemuan bersama syarikat-syarikat tempatan di Arab Saudi yang terdiri daripada syarikat pemaju hartanah, kontraktor, ejen pengimport tanaman landskap, pengusaha nurseri dan lain-lain syarikat berkaitan perdagangan landskap telah diaturkan oleh pihak MATRADE Jeddah.

Business Matching Programme Invitees

No.	Company Name	Sector	City
1	Grassia Plants	Plant and Seeds Importers	Jeddah
2	Entity Modern Construction	Property Developers	Jeddah
3	Bina albinyan for real estate developer	Property Developers	Jeddah
4	kaynuna Real estate	Property Developers	Jeddah
5	Hyrmas Co.	Construction Products	Makkah
6	انساق الزهور (methoda Flowers)	plantation	Jeddah
7	Palace Garden - Ahmed Ghalib Al eisa Co.	Importers & Distributors for Nurseries, Plant	Jeddah
8	Grass land Co.	Importers & Distributors for Nurseries, Plant	Jeddah
9	Grass Art	Importers & Distributors for Nurseries, Plant	Jeddah
10	Grass Based Company	plantation	Jeddah
11	Diamond Sword Co. Ltd	Hotels & Peligrims	Makkah
12	Tebyan	Law Firm, Consultant Engineer, Interior	Jeddah
13	Mahara Trading - Grassia Plants Nursery	Plants Nursery	Jeddah
14	Serene Residential Complex Management	Plant and Seeds Importers	Jeddah
15	hyrmas international Company Ltd.	Plant and Seeds Importers	Jeddah
16	Jasmin Meadows Company	Plant and Seeds Importers	Jeddah
17	RabyaPro	Plant and Seeds Importers	Jeddah
18	Al-Amoudi Est.	Retailers and traders	Jeddah
19	Furniture Systems Co.	Retailers and traders	Jeddah
20	KLIK Decor	Importers and distributors	Jeddah
21	Serene Village	Importers and distributors	Jeddah
22	Warrenpark Global Holdings Ltd.	Retailers and traders	Jeddah
23	Safwa Furniture Co.	Retailers and traders	Jeddah
24	Dur Rawdah Compound	Contractors and developers	Jeddah
25	Naseem AlShareef Est.	Retailers and traders	Jeddah
26	Vision foundation	Retailers and traders	Jeddah
27	Hamed Abbas Ets.	Retailers and traders	Makkah
28	Sabr Company	Retailers and traders	Jeddah
29	Hayat AlRubia	Retailers and traders	Jeddah
30	Mahmoud Ahmad Rafeeq Company	Retailers and traders	Jeddah
31	Garden Secrets	Retailers and traders	Jeddah
32	Dar AlTanmiah	Retailers and traders	Jeddah
33	Smart Agricultural Solutions	Retailers and traders	Jeddah
34	Abdullah Ahmed AlQurashi Contracting	Importers & Distributors for Nurseries, Plant	Makkah
35	Eman Co.	Importers & Distributors for Nurseries, Plant	Jeddah
36	Omar AlRaddadi Company	Importers & Distributors for Nurseries, Plant	Jeddah
37	Asas Company	Retailers and traders	Jeddah
38	Abdulrazzaq Group	Retailers and traders	Jeddah
39	New AlSafwa Co.	Retailers and traders	Jeddah

Business Networking Reception With YB Deputy Minister on 10 October 2023 Confirmed List of Attendees

No.	Company Name	Invitees
Government entity & organization		
1	Federation of Saudi Chambers	Mr. Abdulghani Alrumaih, Vice Chairman
Major players landscape based in Jeddah		
2	Initial Saudi Arabia Ltd.	Mr. Vishnu Ramachandran Nair
3	Bastana International Company Ltd.	Mr. Ahmed Bakr
4	Al Jaber Landscape Al Jaber Contracting KSA	<ul style="list-style-type: none"> Engr. Mohammed Arafa, Senior Project Manager for Makkah Region Engr. Abdullah Fuad, Senior Commercial and Technical Manager Makkah Region Mr. Ahmad Saleh
5	Haif Bin Mohammed Bin Abboud Al Qahtani & Partners for Trading & Contracting Company	Mr. Rakan Awad Al Shahrani
6	Trap Landscaping	Mr. Fawad
Major Importers & Distributors for Nurseries, Plant and Trees in Jeddah		
7	Arab Farmer Est.	Eng. Mohsen Naser Daoud
Captains of Industry		
8	Abeer Group	Mr. Alungal Muhammad, Managing Director
9	Project Management & Development Co. (PMDC)	<ul style="list-style-type: none"> Mr. Karam Ahmed Abed EVP - PMDC Mr. Mohammed Al Attas Finance Manager - PMDC Mr. Anwar Ahmed
10	Holoul Electronic Recycling Treatment Co.	Mr. Mohammed A. Ghurab, General Manager
11	Esnad	Mr Salem Bawazir, Executive Manager
12	Elaf Group	Mr. Majed S Kaki, VP
13	Bin Bisher Real Estate	Eng. Ahmad F. Bin Bisher Al-Nahdi
Malaysian Companies Operating in KSA		
14	Saudi ASMA Environmental Solutions (SAES)	Mr. Abdullah Mohd Omar Chief, Executive Officer
15	MGB Sany	Mr. Lau Chee Tat
16	Sela	Mr. Kamal Al-Kallas, Exhibition & Conference Director
17	TSI	Mr. Ahmad Imran Zainul Abidin
18	AWFA INVESTMENT (SBC)	Mr. Abdullatif Al-Mubarak
19	Malaysian Palm Oil Council (MPOC)	Mr. Muhammad Kharibi Zainal Ariffin, Marketing & Market Development Manager
20	Consulate General of Malaysia, Jeddah	Mr. Sharul Ashraf Ibrahim, Consul (Economy)
21	Tabung Haji Jeddah	Mr. Ashrof Shamsuddin, Vice Consul (Hajj)
22	MAS Kargo	<ul style="list-style-type: none"> Ms. Saw Min Tze, Senior Regional Manager Mr. Kenneth Chan, Head of Strategy & Business Development Ahmad Rafiq Mohd Razol, Senior Manager- Product Development
23	AMAL (MAB Co.)	<ul style="list-style-type: none"> Mr. Shukri Hashim, Senior Manager - Business Development Mr. Mohd Faisal Bin, Manager - Business Development
24	Alpha Cargo Services	<ul style="list-style-type: none"> Mr. Jabir Salam, CEO Mr. Turki Ibrahim Abdullah, Alghamdi Head - Customs Brokerage Mr. C.K. Abdurahiman, Senior Marketing Executive

Sesi Business Networking Reception

JEDDAH
ARAB SAUDI



Sesi *Business Networking Reception* diadakan pada 10 Oktober 2023 di Holiday Inn Jeddah Gateway, Jeddah menghimpunkan tetamu kehormat Malaysia, pemimpin dan pemain industri dari Malaysia dan Arab Saudi di dalam satu platform sebagai salah satu usaha strategik untuk meneroka potensi perkongsian, dan menjalin hubungan serta kerjasama perniagaan yang bermakna. Secara keseluruhannya, sesi tersebut telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan dengan kehadiran lebih 39 syarikat dan badan berkaitan industri landskap Arab Saudi seperti pemaju pembangunan dan hartanah, ejen pengimport dan kontraktor. Turut hadir syarikat Malaysia yang beroperasi di Arab Saudi.

Tetamu kehormat YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Mohd Nasir telah menyampaikan ucapan aluan pada majlis ini. Hadir sebagai tetamu kehormat di pihak Kerajaan Arab Saudi adalah HE Mr Abdulghani Alrumaih, Timbalan Pengerusi bagi Saudi Regional Council for South East Asia of the Federation of Saudi Chambers. Majlis turut dihadiri oleh En. Roslan bin Sharif, Konsul Jeneral Malaysia di Jeddah dan Tuan Roslee bin Abdullah, Ketua pengarah Jabatan Landskap Negara.

JEDDAH
ARAB SAUDI



JEDDAH
ARAB SAUDI



YB Timbalan Menteri KPKT bersama perwakilan syarikat dari Arab Saudi



YB Timbalan Menteri KPKT bersama perwakilan pemain industri landskap Malaysia yang menyertai misi



YB Timbalan Menteri KPKT bersama perwakilan syarikat Malaysia yang berpangkalan di Arab Saudi

Sesi Lawatan ke Tapak Warisan dan Apresiasi Landskap

JEDDAH
ARAB SAUDI



At Turaif District, Diriyah

Tapak konservasi dan pemuliharaan bersejarah yang tersenarai UNESCO Heritage Sites. Diasaskan pada abad ke-15 merupakan kota pertama kerajaan Dinasti Saudi. Mengandungi tinggalan bersejarah bangunan Istana lama berhampiran Wadi Diriyah.





Wadi Hanifah

Sebuah wadi (oasis/seasonal river) sepanjang 120km yang berusia ratusan tahun, merentasi bandar Riyadh. Projek pemeliharaan dan pemuliharaan telah mula dilaksanakan oleh The Royal Commission of Riyadh City dengan projek rehabilitasi dan pembangunan landskap bagi Wadi Hanifah dan anak sungainya (tributaries) bagi mengembalikan tumbuhan dan hutan persekitaran asal wadi.



SALAM PARK, RIYADH

7 OKTOBER 2023 | SABTU



Terletak di Qasr Al-Hukm District, Riyadh, Salam Park merangkumi kawasan seluas 25 hektar dan terkenal dengan pemandangan semula jadi dan pelbagai aktiviti pelancongan. Taman ini direkabentuk secara bersama oleh Omrania & Associates dan Aukett Associates (British), dengan beberapa tarikan utama seperti ruang hijau dan hutan bandar, kawasan legaran dan padang sukan, kawasan permainan yang menarik, laluan pejalan kaki, kawasan berkelah yang indah dan trek jogging.



RIYADH
ARAB SAUDI

KING ABDULLAH FINANCIAL DISTRICT, RIYADH

7 OKTOBER 2023 | SABTU

KAFD merupakan hab kewangan bertaraf dunia yang dilancarkan pada 2006 dengan tujuan mewujudkan pusat kewangan yang moden dan mampan untuk meningkatkan ekonomi Kerajaan negara Arab Saudi. Projek ini telah diperolehi oleh Public Investment Fund (PIF) dan merupakan salah satu aspirasi utama bagi usaha merealisasikan Saudi Vision 2030.

Liputan wilayah KAFD ini menawarkan penduduk dan pelawat kepada kualiti dan taraf hidup yang tinggi dengan kepesatan bangunan moden, taman dan ruang hijau, serta kepelbagai kemudahan dan perkhidmatan kelas bertaraf dunia, termasuk pusat membeli-belah, restoran, taman, kemudahan sukan dan sekolah.



**AL-BALAD DISTRICT, JEDDAH
(UNESCO HISTORIC SITE)**


11 OKTOBER 2023 | RABU





Al Balad

Tapak bersejarah dalam kawasan Jeddah yang tersenarai dalam UNESCO Heritage Sites sejak 2014. Merupakan bandar pusat bagi Jeddah dan pintu masuk ke Mekah sejak abad ke- 7.



4.0 Faedah dan Return of Investment (ROI)

Faedah Penyertaan

Faedah penyertaan delegasi Malaysia bagi Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap ke Qatar dan Arab Saudi adalah seperti berikut:

01

Membuka akses kepada Malaysia untuk mempamer dan mempromosikan perkhidmatan dan produk industri landskap Malaysia melalui penyertaan dalam Expo 2023 Doha;

02

Meneroka pasaran perdagangan industri landskap di Qatar dan Arab Saudi yang berpotensi memberi pulangan kepada ekonomi negara dan peluang pelaburan di Malaysia;

03

Menambah nilai kepakaran, pengetahuan dan meningkatkan inovasi negara dalam industri landskap. Kepakaran ini amat penting dalam usaha negara untuk mendaya upayakan potensi industri landskap negara sebagai pemberi nilai tambah ekonomi dan sumber pulangan kepada ekonomi negara; dan

04

Memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dengan Qatar dan Arab Saudi serta meningkatkan imej dan profil negara.

Return of Investment (ROI)

Berdasarkan pelaksanaan misi ke Qatar dan Arab Saudi ini, maklumbalas yang positif dari pihak pemain industri menyatakan sasaran nilai eksport berjumlah RM 90,000,000.00 setahun menjadikan unjuran *Return of Investment* (ROI) bagi keseluruhan misi ini dianggarkan bersamaan nisbah pulangan 1 : 100 bagi program di kedua-dua negara.

Nilai sasaran ini didapati sejajar dengan pasaran baru yang diterokai oleh pihak industri landskap Malaysia di dalam sektor pembangunan dan pembinaan berskala giga di Negara Arab Saudi dan Qatar yang diunjurkan mencecah USD 2 trillion sehingga tahun 2030.



5.0 Pelan Tindakan Susulan dari Misi 2023

Susulan daripada misi ini, beberapa tindakan susulan perlu diambil oleh Jabatan Landskap Negara yang melibatkan Kementerian adalah seperti berikut:

- Meneliti tindakan bagi penyediaan kerangka tindakan industri landskap Malaysia yang lebih komprehensif bagi memastikan pelaksanaan misi dan peluasan sektor landskap Malaysia yang lebih bersasar dan berkesan;
- persediaan kepada sesi libat urus dan pemerksaan jalinan perdagangan industri landskap termasuk eksplorasi potensi bidang pasaran baru landskap;
- *assurance* kepada pihak prospek perdagangan berkenaan peranan, komitmen dan keterlibatan kerajaan di dalam industri landskap sebagaimana diutarakan semasa misi berkaitan status keberadaan kerajaan sekiranya berlaku pertelingakahan (disputes) selepas berlaku perjanjian perdagangan;
- pengenalpastian tatacara, kelolaan dan bidangkuasa pihak jabatan/kerajaan dalam sesebuah MOU;
- kajian implikasi kepada industri landskap dengan perjanjian dua hala dan status industri landskap negara dalam *Free Trade Agreements* (FTA) dengan negara luar;
- libat urus atau *engagement* dengan agensi2 yang telah lama bertapak dalam urusan eksplorasi eksport/ misi galakan perdagangan seperti Jabatan Pertanian, MITI, dan KKR;
- meneroka agensi yang mengeksport tenaga kepakaran/ perkhidmatan supaya perkhidmatan profesional arkitek landskap dapat diketengahkan di medan antrabangsa; dan
- peluasan kepakaran teknikal landskap serta memperkenalkan solusi dan inovasi industri landskap Malaysia untuk diketengahkan di Qatar dan Arab Saudi.

Ekpektasi Pemain Industri

01

Inisiatif sokongan dari pihak Kerajaan bagi menyokong eksport berskala besar yang mana pihak pembekal bahan tanaman mengenengahkan isu kawasan penanaman yang tidak mencukupi.

02

Inisiatif-lain yang berkaitan seperti perbankan, latihan dan liputan promosi.

03

Libat urus bersama pihak industri dengan lebih meluas dan berkala.

04

Pelaksanaan misi yang lebih tersasar mengikut sektor.

05

Pelaksanaan misi dalam tempoh yang lebih singkat.



6.0 Rumusan

Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap ke Qatar dan Arab Saudi merupakan misi pertama dengan penglibatan wakil delegasi perniagaan dan dilaksanakan dengan mengikut tatakelola dan kerjasama strategik pihak MATRADE. Ia membuka ruang kepada pendedahan pihak industri dalam mempelbagaikan cara pasaran dan penglibatan pihak Kerajaan dalam menyediakan platform strategik perdagangan dilihat sebagai peluang untuk mendapatkan pasaran yang lebih luas melalui sesi padanan perniagaan bersama prospek berkaitan industri landskap.

Selain itu, jalinan kerjasama antara agensi Kerajaan dan sektor swasta akan turut diperkukuh dalam usaha meningkatkan reputasi Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan dan produk industri landskap yang berkualiti tinggi.

Rumusan Dapatan Misi dari Aspek Galakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap

- Misi ini membuka mata pihak delegasi perniagaan kepada perkhidmatan pihak Kerajaan yang menyeluruh dan pada masa yang sama mempunyai fleksibiliti dalam mensasarkan potensi pasaran industri landskap. Sesi bilateral antara pihak Kerajaan Negara Qatar dan Arab Saudi merupakan platform yang paling strategik di dalam misi galakan perdagangan ini yang mana telah berjaya memperluaskan jaringan perniagaan sedia ada pihak pemain industri. Penglibatan YB Timbalan Menteri sebagai Ketua Delegasi menggambarkan keseriusan dan komitmen Kerajaan dalam melaksana dan memastikan keberkesanan misi ini.
- Melalui sesi *business matching*, *bilateral meetings* dan *business networking reception*, terdapat prospek perniagaan yang meminta supaya lebih banyak syarikat/pemain industri yang berkaitan perabot landskap, *timber-decking* dan peralatan permainan kanak-kanak diketengahkan. Prospek juga menunjukkan minat yang tinggi kepada syarikat yang mampu menghasilkan/memberi perkhidmatan pembinaan sistem pengairan dan pembajaan landskap bersepadu, selain perkhidmatan penyelenggaraan pokok di kawasan persendirian dan resort. Ini jelas memperlihatkan kebolehpasaran bidang/sector lain di dalam industri landskap Malaysia yang perlu diketengahkan semula ke Negara Qatar dan Arab Saudi serta negara-negara lain di rantau Arab.
- Khusus bagi misi ini, lawatan teknikal dan taklimat yang dihadiri oleh pemain industri ke tapak semaian di kedua-dua negara memberi pendedahan baru kepada tatacara penanaman, pengumpulan, semaian, pengangkutan dan pengurusan pokok terutama dari aspek penjagaan pada musim suhu panas dan sejuk yang melampau. Ia sangat membantu pihak pembekal bahan tanaman dalam menyediakan perkhidmatan dengan mengambil kira aspek-aspek cuaca, logistik dengan kos yang bersesuaian.
- Penyertaan Malaysia di dalam **International Horticulture Expo Doha 2023** juga menjadi batu loncatan yang baik dalam mempromosi dan memperkenalkan pemain industri Malaysia di medan yang sangat spesifik kepada landskap. Ia juga membuka ruang dan meluaskan jaringan kerjasama strategik, perdagangan dan pendedahan kepada pengelolaan penyertaan acara antarabangsa.

Rumusan Dapatan Misi dari Aspek Perancangan dan Pembangunan Landskap

- Melalui misi ini, dapat dilihat bahawa Negara Qatar dan Arab Saudi menekankan kepentingan landskap terutama di kawasan pembangunan perumahan dan perbandaran baru berskala besar di mana kos bagi tujuan penyediaan taman dan ruang hijau serta sistem penyelenggaraannya diperuntukkan sebanyak 20% - 40% dari kos keseluruhan projek.
- Taman-taman di kawasan perbandaran baru dibangunkan dalam skala yang besar meliputi kawasan minima 1000 ekar selain sasaran penanaman pokok bagi tujuan penghijauan dan desertifikasi sehingga 10 bilion pokok bagi tempoh kurang 10 tahun sasaran pembangunan (Rujuk *Saudi Green Initiative 2030*).
- Taman awam dan ruang hijau yang dirancang untuk dibangunkan tidak terhad untuk tujuan rekreasi tetapi mempunyai objektif sebagai lokasi pelancongan bertaraf dunia lengkap dengan sistem pengurusan dan penyelenggaraan bersepadu selain fasiliti moden dan terancang. Ia menjadi satu penanda aras yang baik dari aspek perancangan komponen dan fasiliti landskap serta kos yang mencukupi bagi menyokong sistem pengurusan landskap yang terkini dan komprehensif sesuai dengan peredaran zaman.

7.0 Penutup

Berdasarkan maklumbalas dari 7 syarikat pemain industri landskap yang menyertai misi pada tahun 2023, misi ini dinyatakan sebagai sangat berkesan, dengan program yang penuh pengisian di mana delegasi telah berjaya menimba pelbagai pengalaman dan pengetahuan baru. Misi ini disokong untuk terus dilaksanakan secara berkala bagi memastikan kesinambungan usaha penerokaan dan peluasan potensi pasaran antarabangsa bagi industri landskap Malaysia.

Jabatan Landskap Negara akan meneliti cadangan untuk meneruskan pelaksanaan Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap tahun 2024 dan akan memastikan penyertaan pemain industri landskap dari pelbagai sektor.

Jabatan Landskap Negara akan meneliti semua pandangan dan pengalaman pelaksanaan misi 2023 dalam melaksanakan program dan aktiviti misi 2024.



Sekalung Penghargaan

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)

- YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT
- YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT
- YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (P)
- YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (M)
- URBANICE Malaysia
- SuSK Timbalan Menteri KPKT
- Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BSA)
- Bahagian Kewangan dan Perolehan KPKT

Kementerian Luar Negeri (KLN)

- Duta Besar dan Pejabat Kedutaan Malaysia di Arab Saudi.
- Pejabat Konsul Jeneral Malaysia ke Jeddah
- Duta Besar dan Pejabat Kedutaan Malaysia di Qatar
- Bahagian Ekonomi Pelbagai Hala (MEED)

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

- Pejabat MATRADE Kuala Lumpur
- Pejabat MATRADE Jeddah
- Pejabat MATRADE Doha



Liputan Media Antarabangsa

Qatar Chamber Commercial and Industrial Directory
Register now and complete your profile to get
Verified by Qatar Chamber tag on your profile.

Qatar Chamber examines ways to enhance cooperation with a Malaysian delegation in the landscaping sector



04-10-2023

Qatar Chamber hosted on Wednesday a Malaysian delegation led by H.E. Ahmad bin Kamaruddin, Director of Corporate Policy, and Management Division at the National Landscape Department of Malaysia's Ministry of Local Development.

From the Qatar Chamber's side, QIC board members Mohamed Bin Ahmad Al Obaidi and Shaaban Bin Lahnán Al Mohorvadi attended the meeting.

During the meeting, both parties discussed strategies to strengthen cooperation between Qatari and Malaysian companies in the landscaping and agriculture sectors. They also encouraged businessmen from both countries to enhance their collaboration in these areas.

Speaking at the meeting, Mohamed Al Obaidi emphasized Qatar's strong commitment to developing the landscaping sector and expanding green spaces and streets, especially considering the ongoing urban development and the establishment of parks and new cities in the country.

Al Obaidi also noted that the Qatari market is open and welcomes investments across all sectors. He pointed out that Qatar Chamber hosts numerous foreign delegations every year, highlighting Qatar as a global business and investment destination with attractive incentives for investors worldwide.

In his remarks, Ahmad bin Kamaruddin congratulated Qatar on hosting the International Horticultural Expo 2023 in Doha, which presents a brilliant opportunity for enhancing cooperation among companies in these sectors worldwide.

He highlighted the possibility of organizing a Qatari-Malaysian business forum that would bring together businessmen from both nations to explore opportunities for cooperation and investment. He also encouraged Qatari investors to consider investing in Malaysia and fostering collaboration between Qatari and Malaysian companies.

وزارة الشؤون البلدية والقروية والإسكان
@saudimomrah

استقبل معالي نائب الوزير م. عبدالله البدير، بمقر الوزارة، معالي نائب وزير تنمية الحكم المحلي في دولة ماليزيا السيد أكمل نصر الله والوفد المرافق له.

جاءت الزيارة بهدف بحث فرص التعاون المشترك وتبادل المعلومات حول سياسات تطوير الإسكان والمناظر الطبيعية في كلا البلدين.

Translate post



12:45 AM · Oct 10, 2023 · 14.8K Views

